**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
## 14 OGOS 2019 (RABU)

| AKHBAR | MUKA SURAT |
|---|---|
| **Berita Harian** | |
| - Selangor Pertimbangkan beri RM500 untuk pesakit tibi | 61 |
| **The Star** | |
| - Selangor identifies health as core area for next year's budget | 04 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR<br>14 OGOS 2019 (RABU)** | |
|---|---|
| Akhbar | Berita Harian |
| Tajuk Berita | Selangor Pertimbangkan beri RM500 untuk pesakit tibi |
| Muka Surat | 61 |

BH 14-8-19 MS 61

# Selangor pertimbang beri RM500 untuk pesakit tibi

## Insentif boleh digunakan bagi dapat sesi rawatan selama enam bulan

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my




***Amirudin bersama tetamu** selepas sesi Dialog 2020 'Membudaya Komuniti Sihat Ke Arah Selangor Maju Bersama' di Shah Alam, semalam.*
[Foto Sairien Nafis/BH]

**Shah Alam:** Kerajaan negeri pertimbang insentif sebanyak RM500 kepada pesakit tibi supaya mereka boleh mendapatkan sesi rawatan selama enam bulan.

Menteri Besar, Amirudin Shari, berkata pihaknya juga perlu memikirkan tindakan susulan supaya penyakit tibi dapat dicegah terutama dalam soal sikap masyarakat ke atas gaya hidup seharian.

"Itu (cadangan berkenaan) masih dalam penilaian kita sebab baru dengar hari ini. Jika ia berkesan dan sebagainya, perlu ada susulan pada peringkat kerajaan negeri untuk mengawal serta menangani masalah penyakit tibi," katanya kepada pemberita selepas sesi Dialog 2020 dengan tema Membudaya Komuniti Sihat Ke Arah 'Selangor Maju Bersama' di Hotel Concorde, semalam.

Beliau berkata, aspek kesihatan antara yang bakal diberikan tumpuan dalam belanjawan tahun hadapan dan kerajaan negeri akan menilai semua pandangan yang dikemukakan.

Cadangan pemberian insentif itu dikemukakan Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam) Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, Dr B Venugopalan ketika sesi pembentangan pertama mengenai penyakit tibi.

Dr Venugopalan berkata, pada 2018 Selangor merekodkan 5,071 kes dengan 367 kematian dan daripada jumlah itu, 553 kes atau 11 peratus daripadanya cicir rawatan selama enam bulan.

"Kesedaran terhadap penyakit tibi perlu dipertingkatkan supaya rakyat lebih peka dan mencegah lebih awal khususnya apabila membabitkan penyakit berjangkit," katanya.

Beliau berkata, lebih membimbangkan ada antara pesakit tibi gagal menyempurnakan sesi rawatan yang perlu dijalani selama enam bulan.

Jelasnya lagi, kemiskinan, kelewatan melakukan ujian saringan awal, peningkatan golongan warga emas dan pemakanan antara faktor peningkatan jumlah pesakit tibi.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR 14 OGOS 2019 (RABU)** | |
|---|---|
| Akhbar | The Star |
| Tajuk Berita | Selangor identifies health as core area for next year's budget |
| Muka Surat | 4 |

TS 14-8-19 ms 4

# Selangor identifies health as core area for next year's budget

By BRENDA CH'NG
brenda@thestar.com.my

HEALTH is one of the four core areas that the Selangor government will focus on when drafting the state budget for next year.

Other areas are education, economy and safety.

"We want to conduct a thorough study and look into these areas in greater detail," said Selangor Mentri Besar Amirudin Shari during a dialogue on health.

He added that the four areas were identified based on issues experienced in previous years that needed to be looked at.

During the dialogue, the latest outbreak of dengue and tuberculosis (TB) as well as mental health among youths were discussed.

Last year, Selangor recorded the highest number of TB cases nationwide with 5,071 reports, including 357 deaths.

Proposals were made for the state to make TB medication more accessible to the public and raise awareness.

Participants also urged the state government to set aside RM500 per patient to cover transportation among other expenses for TB patients over six months.

Every TB patient is required to undergo treatment for six months, and the hassle of making trips to the hospital is one of the reasons why a majority of patients do not complete the course.

There was also a suggestion for a partnership between the state government and private clinics for medication to be distributed at their premises so that patients would not have to travel to government hospitals or clinics.

"We will study the feasibility of giving RM500 per patient and ways to prevent and bring down the number of TB cases," said Amirudin.

He added that the state was also keen to carry out preventive programmes to bring down the number of TB and dengue cases and address mental health issues among youths.

"We can set aside millions to treat those in need but it's time we set aside funds for prevention too.




(From left) Selangor Health Department director Datuk Dr Khalid Ibrahim moderating the state's budget dialogue together with Amirudin and Dr Siti Mariah.

"We will also revisit Skim Peduli Sihat (Selangor's health scheme) medical card to see if there is a need to increase funding," he said.

There are over 60,000 registered families under the scheme who are eligible for free healthcare.

Last year, RM43mil was spent on this scheme and another RM25mil since January this year.

Also present at the event was Selangor health, welfare, women and family empowerment committee chairman Dr Siti Mariah Mahmud.

"This year, RM21mil was allocated by the state for health-related programmes," she said.